



SIARAN MEDIA LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK

BAS.MY Kuching di laluan Q04M Saujana - Bako mula operasi 8 Mei

KUCHING, 8 Mei - Ahli Dewan Undangan Negeri N10 Pending, YB Violet Yong Wui Wui bersama Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak, Encik Michael Kong Feng Nian dan Pengarahnya, Puan Cornelia Wong Chui telah melakukan tinjauan pengoperasian laluan BAS.MY Kuching yang kelima iaitu laluan Q04M (Saujana - Bako) bermula dari perhentian bas Riverside, pagi tadi.

Laluan Q04M telah memulakan operasinya pada hari ini bermula dari **Stesen Bas Saujana** ke **Terminal Bako**, melibatkan **6 buah bas** baharu mesra OKU yang meliputi jarak sejauh **39km** dan **27 perhentian bas**.

Jadual perjalanan BAS.MY Kuching di laluan Q04M bermula dari jam 5.30 pagi hingga 7.30 malam pada hari Isnin hingga Jumaat dengan kekerapan setiap 1 jam dan setiap 30 minit pada waktu puncak. Manakala hari Sabtu dan Ahad, perjalanan bas bermula dari jam 6.30 pagi hingga 8.30 malam. Orang ramai boleh merujuk jadual perjalanan bas yang dikongsikan melalui Facebook rasmi LPKP Sarawak dan BAS.My Kuching.

Sementara itu, **kadar tambang** yang dikenakan adalah **bermula dari RM0.90 hingga RM3.50** berdasarkan jarak laluan bas dan pembayaran tambang adalah menggunakan kad debit, kad kredit, e-wallet serta wang tunai.

Warga OKU, warga emas berumur 60 tahun ke atas, pelajar sekolah dan mahasiswa yang merupakan warganegara Malaysia adalah digalakkan memohon Kad Konsesi BAS.MY daripada pihak pengendali laluan bagi menikmati kemudahan tambang percuma.

Manakala warganegara Malaysia yang lain boleh menikmati kemudahan pas 30 Hari dengan harga RM50 dan menggunakannya di mana-mana laluan BAS.MY Kuching tanpa had selama 30 hari.

Sehubungan itu, orang ramai yang berada di laluan-laluan BAS.MY Kuching adalah diseru untuk menggunakan sepenuhnya perkhidmatan bas tersebut yang disediakan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT).

-TAMAT-

Pertanyaan Media:

Tel: +6082 412033 (Talian Umum)

Emel: pertanyaan@lpkpsarawak.gov.my

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK

8 MEI 2025